

Headline	Pantau pokok tua elak tragedi		
MediaTitle	Harian Metro (Timur)		
Date	09 Aug 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	7,330
Page No	73	Readership	21,990
Language	Malay	ArticleSize	68 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,004
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,012



### Kuala Terengganu

## Pantau pokok tua elak tragedi

Kerajaan negeri minta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membuat penilaian terbaru kewujudan pokok berusia yang berisiko tumbang di seluruh negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri Dr Alias Razak berkata, kepakaran dimiliki FRIM dapat membantu kerajaan negeri mengenal pasti pokok reput dan perlu ditebang untuk digantikan tanaman lebih sesuai.

Menurutnya, walaupun kerajaan negeri sedar kepentingan mengekalkan kehijauan dalam arus pembangunan tetapi pokok berusia terutama di bahu jalan perlu dipantau bagi mengelak ia tumbang dan menghempap kenderaan sehingga boleh menyebabkan kematian.

“Arahan kepada JKR dan PBT serta FRIM supaya membuat pemantauan semua pokok berusia sudah dikeluarkan kerajaan terdahulu dan masih diterima pakai,” katanya.